

25/10/2002

Malaysia tolak campur tangan tentera asing di Asia

ALOR STAR, Khamis - Malaysia menolak campur tangan tentera mana-mana negara termasuk Australia, atas alasan untuk bekerjasama memerangi keganasan di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, penempatan tentera Australia atau negara lain mungkin menjadikan mereka sasaran penganas.

"Jadi, sementara kita sekarang ini aman, (tetapi dengan kehadiran tentera luar), kita pula mungkin terdedah kepada tindakan ganas," katanya selepas mengadakan pertemuan dengan Ketua Umno negeri dan mesyuarat Umno Bahagian Kubang Pasu di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas hasrat Australia menghantar tentera ke Asia Tenggara bagi membantu memerangi keganasan.

Perdana Menteri Australia, John Howard dilaporkan berkata, tentera negaranya mungkin dihantar ke Indonesia atau negara lain di rantau ini untuk kerjasama memerangi penganas.

Perdana Menteri Australia itu juga berkata, negaranya dijangka meningkatkan perbelanjaan pertahanan dan keselamatan berikutan insiden pengeboman di Bali, 12 Oktober lalu.

Pengeboman di Bali itu mengakibatkan lebih 180 orang terkorban manakala 300 lagi cedera.

Mengenai pembatalan persidangan G-15 di Venezuela hujung minggu ini, Dr Mahathir berkata:

"Saya memang kecewa kerana kita berpendapat inilah pakatan Negara-negara Selatan dan kita dapati kadang-kadang menghadapi banyak masalah sehingga tidak dapat mengadakan mesyuarat yang penuh korum."

Pembatalan persidangan itu dimaklumkan sekretariatnya hari ini berikutan cubaan rampasan kuasa di negara itu. Persidangan itu juga dibatalkan pada Jun lalu atas sebab yang hampir sama.